

Zon perdagangan Asia Timur dikaji

BH 25 NOV 2000

SINGAPURA, Jumaat - Asean akan mengkaji kemungkinan membentuk satu zon perdagangan bebas bagi Asia Timur dan menjadikan forum Asean 3 (China, Jepun dan Korea Selatan) sebagai badan rasmi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kajian itu terutama membabitkan hubungan atas platform rasmi bagi Asean 3, penting bagi menetapkan hala tuju kerjasama itu pada masa depan.

"Terdapat keperluan untuk merasmikan forum ini bagi menjadi satu badan rasmi dengan gelaran yang lebih mantap," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai, di sini, hari ini.

Terdahulu, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, berkata Asean akan membentuk satu kumpulan untuk mengkaji kemungkinan penubuhan itu dan diharap mereka dapat membentangkan laporan pada sidang puncak Asean di Brunel, tahun depan.

“
Terdapat keperluan untuk merasmikan forum ini bagi menjadi satu badan rasmi dengan gelaran yang lebih mantap
”

- Perdana Menteri,
Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

Kumpulan itu katanya, antara lain akan mengkaji idea dari segi ekonomi, sosial dan politik serta kesan lain jika ia dilaksanakan.

Beliau mengumumkan perkara itu dalam sidang akhbar selepas sidang puncak tidak rasmi Asean 3 di sini.

Goh berkata, berkata idea untuk menjadikan forum Asean 3 itu sebagai badan rasmi berikutan terdapat keinginan di kalangan pemimpin yang hadir untuk mewujudkan sebuah identiti atau pertubuhan yang berlandaskan sebuah kumpulan Asia Timur.

"Justeru, ada cadangan agar sebuah kumpulan kajian Asia Timur diadakan untuk melihat bagaimana


negara Asia Timur boleh bekerjasama pada masa depan.

"Ini termasuk perubahan sidang kemuncak Asean 3, dapat dijadikan sidang kemuncak Asia Timur," katanya.

Menjawab soalan, Goh berkata pihak lain, termasuk Amerika Syarikat, tidak perlu bimbang tentang perkembangan ini kerana ia bukanlah sebuah kumpulan serantau yang tertutup.

"Saya ingin menegaskan ia tidak akan mengenyapkan Amerika dan menekankan ia perlu dibuka kepada rantau lain khususnya dalam bidang perdagangan," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata seluruh anggota Asean juga bersetuju



22 - 25 NOVEMBER 2000
SINGAPURA

terhadap keperluan untuk meningkatkan bahasa Inggeris bagi kepentingan semua.

Ketika ini, masih ada negara anggota tidak fasih berbahasa Inggeris dan memerlukan bantuan penterjemah setiap masa.

Pemerhati perjalanan sidang tidak rasmi berkata, pada sidang hari ini ramai yang tertidur kerana tidak faham ucapan kebanyakan pemimpin Asean yang berjela-jela dan terjemahannya pula meleret-leret.